


# UPM lancar buku penyelesaian bahan bakar



**Serdang:** Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan buku 'Sustainability of bio-Jetfuel in Malaysia' yang mendokumentasikan penyelesaian inovatif dan lestari bagi bekalan bahan bakar dalam sektor penerbangan.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof Dr Ir Renuganth Varatharajoo, berkata buku itu ialah laporan terhadap penilaian pertama berhubung hasil penemuan penyelidikan mengenai pencarian bahan mentah paling sesuai bagi memastikan sebarang pengeluaran bahan bakar jet di

Pegawai penyelidik UPM, Norfaryanti Kamarudin, menunjukkan buku yang **mendokumentasikan penyelesaian inovatif dan lestari bagi bekalan bahan bakar dalam sektor penerbangan, 'Sustainability of bio-Jetfuel in Malaysia'.**

Malaysia pada masa depan adalah berasaskan kepada penyelesaian lestari.

### **Bentuk kerjasama**

Katanya, projek penyelidikan itu dipengerusikan bersama oleh Pengarah INTROP, Prof Dr Paridah Md Tahir dan Dr J M Wheel daripada Pusat Penyelidikan Pertanian bagi Pembangunan Antarabangsa (CIRAD), bermula Mac 2014 hingga Februari 2017.

"Kita sudah menandatangani Memorandum Persefa-

haman bagi membentuk kerjasama menilai penyelesaian tempatan untuk pengeluaran biomass lestari di negara ini dan Asia Tenggara.

"Langkah itu bertujuan untuk mengenal pasti bahan mentah paling sesuai bagi memastikan sebarang pengeluaran bahan bakar pada masa akan datang di rantau ini adalah berasaskan kepada penyelesaian lestari," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Buku.



Prof Renuganth (tiga dari kiri) bersama-sama wakil INTROP dan CIRAD pada Majlis Pelancaran Buku **'Sustainability of bio-Jetfuel in Malaysia' di Serdang, Selangor.**